

AL-ZAMAKHSYARI DAN AL-QIRAAT: SOROTAN SURAH AL-BAQARAH

Mujahid Bin Ahmad Lutfi (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 013-6897987. E-Mail: mujahidlutfi@gmail.com

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Bin Mohamad
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 019-9572383. E-Mail: khairul@usim.edu.my

Mohamad Redha Bin Mohamad
Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS,
Tel: 019-3993708. E-Mail: mohamadredha@kuis.edu.my

Abi Syafiq Al Hakim Bin Abd Jabar
Jab. Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS,
Tel: 013-3313578 . E-Mail: abisyafiq@kuis.edu.my

Abstrak

Tafsir al-Kasasyāf karangan al-Zamakhsyari merupakan sebuah kitab tafsir yang mempunyai kedudukan tersendiri di sisi para pengkaji dalam bidang tafsir. Mazhab muktazilah yang menjadi pegangan al-Zamakhsyari tidak menjadi penghalang bagi para ulama untuk menjadikan al-Kasasyāf sebagai rujukan dalam bidang kepekarannya terutamanya dari sudut kehebatan balaghah. Kertas kerja ini menyingkap sudut pandangan al-Zamakhsyari dalam bidang qiraat, yang merupakan satu alat yang penting bagi para *mufasssirīn* dalam proses tafsir al-Quran. Penelitian dilakukan terhadap surah al-Baqarah yang merupakan surah terpanjang dalam al-Quran, kerana kelazimannya metode seorang *mufasssir* itu dapat dilihat dengan jelas berdasarkan pemerhatian terhadap surah ini. Kajian ini merupakan satu kajian teks yang dilakukan terhadap kitab tafsir al-Kasasyāf. Hasil analisis menunjukkan bahawa al-Zamakhsyari mengaplikasikan penggunaan qiraat dalam tafsir beliau. Namun, metode beliau dalam ilmu qiraat tidak mengikut manhaj ulama dalam bidang qiraat, berdasarkan bahagian qiraat yang dibawakan, metode nisbah qiraat kepada *qurrā'* dan komentar beliau terhadap setiap bacaan yang dinaqalkan. Walau bagaimanapun, sudut *tawjīh* qiraat merupakan satu kelebihan al-Zamahsyari yang boleh menjadi panduan kepada pembaca tafsir beliau.

Kata kunci: al-Zamakhsyari, al-Qiraat, Surah al-Baqarah

Pendahuluan

Al-Zamakhsyari dikenali sebagai seorang *mufassir* yang bermazhab muktazilah dalam akidah beliau. Kitab tafsir al-Kasasyāf karya beliau merupakan satu peninggalan yang amat berharga dalam dunia ilmu tafsir di sisi para ulama. Bahkan, boleh dikatakan bahawa al-Kasasyāf merupakan satu-satunya karya tafsir di kalangan muktazilah yang sampai kepada kita dengan sempurna sebagai sebuah kitab, berbanding karya-karya muktazilah yang lain. Walaupun bermazhab muktazilah, ia tidak menjadi penghalang kepada para ulama untuk menjadikan al-Kasasyāf sebagai sumber rujukan mereka dalam bidang tafsir, bahkan ia adalah antara rujukan utama para ulama (Ibn Khaldūn, 2004, 2:176). Ini adalah disebabkan ketokohan dan kehebatan al-Zamakhsyari dalam bahasa Arab yang diterjemahkan oleh beliau menerusi al-Kasasyāf, dengan melihat kepada sudut ketinggian ilmu *balaghah* terutamanya ilmu *al-Ma'āni* dan *al-Badī'* (Al-'Alawi, 1914, 1:5). Bahkan, Ibn 'Āsyur (1970, 58) menegaskan bahawa al-Kasasyāf merupakan kunci kepada pintu yang tertutup bagi pengkaji tafsir, dengan menjelaskan wajah-wajah *balaghah* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran.

Antara ilmu yang wajib dikuasai oleh seseorang sebelum terjun dalam bidang tafsir adalah ilmu qiraat. Ini kerana dengan ilmu qiraat dapat diketahui maksud-maksud kalimah yang terkandung dengan qiraat yang berbeza dan dapat meluaskan sudut pandangan tafsir di sisi para ulama. Al-Zamakhsyari tidaklah dikenali sebagai seorang yang menekankan aspek qiraat dalam tafsir beliau. Walaupun ada sumber yang menyebut bahawa al-Zamakhsyari pernah mengarang karya berkaitan qiraat, namun tiada karya tersebut yang sampai kepada kita pada hari ini. Oleh itu, untuk mengetahui metode beliau dalam ilmu qiraat, penulis membuat penelitian terhadap tafsir al-Kasasyāf yang dikarang oleh beliau.

Justeru itu, skop kajian di dalam kertas kerja ini adalah berkenaan pandangan dan pendirian al-Zamakhsyari berkaitan qiraat al-Quran. Pemerhatian dilakukan terhadap surah al-Baqarah yang merupakan surah terpanjang dalam al-Quran dan berada di permulaan al-Quran selepas surah *al-Fātiḥah*. Pemilihan surah al-Baqarah adalah signifikan kerana menjadi kelaziman para *mufasssirīn* untuk menonjolkan metode mereka dalam mentafsir surah yang berada di permulaan al-Quran.

Qiraat yang dikumpulkan dalam surah al-Baqarah

Qiraat al-Quran terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu qiraat *mutawātirah* dan qiraat *syadhdhah*. Qiraat *mutawātirah* adalah qiraat yang menepati tiga syarat penerimaan qiraat menurut Ibn al-Jazari iaitu, pertama; qiraat yang diriwayatkan adalah wajib disandarkan di atas sanad yang *mutawātirah*, kedua; qiraat yang diriwayatkan mestilah menepati salah satu wajah yang bertepatan dengan bahasa Arab, dan ketiga; qiraat yang diriwayatkan hendaklah bertepatan dengan *Rasm Uthmānī* berdasarkan mushaf-mushaf yang diedarkan oleh Sayyidina Uthmān Bin 'Affān kepada umat Islam selepas penyalinan mushaf dilakukan pada zaman beliau (Ibn al-Jazari, 2007, 23). Manakala qiraat *syadhdhah* adalah bacaan yang tidak menepati tiga syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama dari sudut penerimaan sesuatu qiraat itu. Dalam erti kata lain, qiraat *syadhdhah* adalah lawan bagi qiraat *mutawātirah*. Walaupun qiraat *syadhdhah* tidak boleh dibaca sebagai al-Quran, ia boleh dijadikan hujah bagi tafsir makna ataupun dalil bagi hukum feqah (Al-Suyūṭi, 2006, 1:230).

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap teks tafsir surah al-Baqarah di dalam tafsir al-Kasasyāf, penulis mendapati bahawa al-Zamakhsyari menjadikan qiraat sebagai salah satu daripada elemen dalam tafsir beliau. Bahagian qiraat yang dikumpulkan dalam tafsir beliau

merangkumi dua bahagian utama dalam pembahagian qiraat iaitu qiraat *mutawātirah* dan *syadhdhah*.

Contoh qiraat *mutawātirah* yang disebut adalah pada ayat 34, pada kalimah (للملئكة اسجدوا), beliau meyebut bacaan Abu Ja'far iaitu dengan *ḍammah ta' marbūṭah* (Al-Zamakhshyari, 1998, 1:254).

Contoh qiraat *syadhdhah* yang disebut pula adalah pada ayat 17, pada kalimah (أضأت), beliau menyebut bahawa bacaan Ibn Abi 'Ablah adalah (ضأت). Beliau menerangkan bahawa wajah bacaan (ضأت) adalah menjadikan *fi'l* tersebut sebagai bukan *fi'l muta'addī*, kerana ia disandarkan kepada apa yang ada di sekelilingnya (Al-Zamakhshyari, 1998, 1:192).

Jumlah qiraat yang dikumpulkan oleh al-Zamakhshyari dalam surah ini adalah sebanyak 427 qiraat. Qiraat *mutawātirah* disebut sebanyak 129 kali bacaan bersamaan 31 peratus, manakala qiraat *syadhdhah* disebut sebanyak 298 kali bersamaan 69 peratus. Ini menunjukkan bahawa jumlah qiraat *syadhdhah* yang dikumpulkan adalah lebih banyak berbanding qiraat *mutawātirah*.

Bagi qiraat *mutawātirah* yang dikumpulkan, ia tidak merangkumi keseluruhan khilaf qiraat yang terkandung di dalam surah ini, terutamanya khilaf berkaitan *farsy al-ḥurūf* yang lazimnya memberi kesan terhadap makna ayat al-Quran.

Jadual 1: Jenis qiraat yang dikumpulkan oleh al-Zamakhshyari dalam surah al-Baqarah

Jenis qiraat	Jumlah	Peratus (%)
Qiraat <i>mutawātirah</i>	129	31%
Qiraat <i>syadhdhah</i>	298	69%
Jumlah	427	100%

Penjelasan: Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa al-Zamakhshyari menyebut qiraat *syadhdhah* melebihi qiraat *mutawātirah* di dalam surah al-Baqarah. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak menitik beratkan soal pemilihan qiraat yang perlu diambil perhatian menurut metode ulama dalam bidang qiraat. Sebagai seorang *mufassir*, sepatutnya beliau lebih berhati-hati dan melebihkan qiraat *mutawātirah* berbanding qiraat *syadhdhah*. Ini kerana qiraat *mutawātirah* lebih layak dan perlu diutamakan dengan mengambil kira bahawa ia adalah bacaan al-Quran sebenar yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW.

Bahkan, dengan melihat kepada sejarah hidup al-Zamakhshyari (467-538 Hijrah), beliau hidup pada zaman ilmu qiraat telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ilmu qiraat ini dapat diukur dengan neraca qiraat tujuh telah dikumpulkan dan ditulis dalam karya para ulama dalam bidang qiraat pada masa tersebut. Sebagai contoh, Ibn Mujahid yang dikenali sebagai orang pertama yang mengumpulkan qiraat secara tujuh dalam kitabnya *al-Sab'ah* meninggal dunia pada tahun 324 Hijrah. Begitu juga Abu Amr al-Dani yang terkenal dengan kitab *al-Taysir* yang merupakan rujukan utama al-Syāṭibi meninggal pada tahun 444 Hijrah. Oleh itu, fikrah berkenaan qiraat *mutawātirah* telah tersebar luas di dalam dunia Islam ketika hayat al-Zamakhshyari. Setidak-tidaknya, beliau perlu menelusuri manhaj para ulama dalam bidang qiraat dalam merekodkan qiraat yang menjadi perbincangan dalam ilmu tafsir.

Metode penisbahan qiraat

Mengikut metode ulama dalam bidang qiraat, setiap bacaan yang diriwayatkan bagi sesuatu qiraat akan dinisbahkan kepada para *qurra'*, sama ada bagi qiraat tujuh ataupun qiraat sepuluh bagi qiraat *mutawātirah*. Nisbah qiraat ini adalah penting kerana ia dapat menetapkan keabsahan bagi sesuatu qiraat yang diriwayatkan. Proses ini juga telah menjalani saringan yang dilakukan oleh para ulama dan *qurra'*.

Justeru itu, qiraat *mutawātirah* yang menjadi pegangan umat Islam pada hari ini datangnya daripada dua jalan yang utama:

1) *Al-‘Asyarah al-Sughra* (Qiraat Sepuluh Yang Kecil) ataupun dikenali dengan *Ṭariq al-Syaṭibiah* dan *al-Durrah*; ia adalah pilihan Ibn Mujahid dalam qiraat tujuh, dan ia adalah susunan al-Syātibī dalam matannya berjudul *Ḥirz al-Amānī Wa Wajh al-Tahānī Fī al-Qiraat al-Sab’* atau lebih dikenali sebagai *Matn al-Syaṭibiyah*. Ibn al-Jazari telah menyempurnakan tujuh ini menjadi sepuluh dengan 3 lagi qiraat dalam *Matn al-Durrah al-Muḍīah Fī al-Qiraat al-Thalāth* (Muhammad al-Ḥabsy, 1999, 62).

2) *Al-‘Asyarah al-Kubra* (Qiraat Sepuluh Yang Besar) ataupun dikenali dengan *Ṭariq Ṭayyibah al-Nasyr*; ia adalah susunan Ibn al-Jazari yang merangkumi lebih seribu *Ṭariq*, disimpulkan oleh beliau dalam *Matn Ṭayyibah al-Nasyr* (Muhammad al-Ḥabsy, 1999, 62).

Metode al-Zamakhsyari dalam nisbah qiraat tidak dapat lari daripada sejauh mana perhatian yang diberikan oleh beliau terhadap qiraat *mutawātirah* dan qiraat *syadhdhah*.

Nisbah kepada qiraat *mutawātirah*

Al-Zamakhsyari tidak banyak menisbahkan qiraat *mutawātirah* kepada para *qurrā'* seperti metode ulama dalam bidang qiraat. Bahkan, setelah penelitian dilakukan, beliau amat jarang menisbahkan qiraat *mutawātirah* kepada para *qurrā'*, melainkan hanya menisbahkan bacaan tersebut dengan lafaz (قري) yang bermaksud ‘diriwayatkan bacaan ini’ secara umum.

Sebagai contoh, pada ayat 10, beliau menyatakan bahawa kalimah (يَكْذِبُونَ) dibaca dengan *takhfif dhal* (يَكْذِبُونَ) dan *tasydīd dhal* (يَكْذِبُونَ), dengan hanya menyebutkan lafaz (قري), tanpa menisbahkan kepada mana-mana *qurrā'*.

Penelitian yang dijalankan juga mendapati bahawa al-Zamakhsyari tidak menyebut keseluruhan nama para *qurrā'* sepuluh, tetapi beliau ada menisbahkan bacaan kepada Nāfi', Warsy, Ibn Kathir, Abu ‘Amr, Ibn ‘Amir, Ḥafṣ, Ḥamzah, al-Kisā'ī, dan Abū Ja'far.

Nisbah kepada qiraat *syadhdhah*

Bagi qiraat *syadhdhah* pula, al-Zamakhsyari banyak menisbahkan bacaan kepada nama periwayat bacaan tersebut, sama ada di kalangan sahabat ataupun ulama yang datang kemudian daripada zaman sahabat. Berikut dilampirkan jadual jumlah nisbah qiraat *syadhdhah* yang dinisbahkan dengan nama, bermula daripada banyak kepada sedikit.

Jadual 2: Perawi qiraat *syadhdhah* dalam al-Kasasyāf

Bil	Nama perawi bacaan	Jumlah riwayat dalam surah al-Baqarah
1	Abdullah Bin Mas'ūd	34
2	Ubay Bin Ka'ab	29
3	Al-Ḥasan	18
4	Ibn 'Abbās	13
5/6/7	Zayd Bin 'Ali/ Ibn Abi 'Ablah/ Al-A'masy	7
8	'Ali Bin Abī Ṭalib	5
9/10	Al-Zuhrī & Mujāhid	4
11/12	Al-Yamānī & Abi al-Sammāl	3
13-19	Zayd Bin Qaṭīb, Abi Ḥaywah, Ṭalḥah, Muḥammad Bin al-Sumaifa', Qatādah, Zayd Bin Thābit, 'Āisyah RA	2
20-52	Abu al-Sya'thā', Abu Ḥayyah al-Na'iri, Abu 'Amr Fī riwāyah al-Āṣma'ie, Ibn Abi Layla, Abu al-Sumayfa', Yazīd al-Syāmī, 'Iīsā Bin 'Umar al-Hamadānī, 'Ubayd Bin 'Umayr, Ru'bah Bin al-'Ajāj, Abu al-Sarār al-Ghinawi, Zahīr al-Farqabi, Muḥammah Dhu al-Syāmah, Abu Abd al-Raḥmān al-Sulami, Malik Bin Dīnār, Ḥuzayfah, al-Manṣūr, Abu Ḥanīfah, Yaḥyā Bin Wathāb, Ibn Abi Ishāq, al-Yazīdī, Abu al-Jawzā', al-Sya'bi, Mu'adh Bin Jabal, Al-Silmi, 'Ikrimah, Ṭawūs, al-'A'raj, Abu Nahīk, Sa'īd Bin al-Musayyib, Uthman Bin 'Affān RA, 'Umar Bin al-Khattab RA, 'Aṭā', dan Abu al-'Aāliyah.	1

Ini menunjukkan al-Zamakhsyari menitik beratkan nisbah riwayat dalam qiraat *syadhdhah* yang direkodkan dalam surah al-Baqarah.

Tawjīh qiraat

Tawjīh qiraat merupakan satu ilmu yang sangat penting dalam proses memahami makna-makna khilaf yang terkandung dalam qiraat yang pelbagai dalam bacaan al-Quran. Ia adalah satu alat yang digunakan oleh para *mufasssirīn* dalam menjelaskan maksud perkataan-perkataan yang mempunyai khilaf yang pelbagai dalam bacaannya (Al-Suyūṭī, 2006, 1:231).

Tidak dapat dinafikan akan ketinggian ilmu dari sudut bahasa menyebabkan al-Zamakhsyari terkehadapan dari sudut penerangan *tawjīh* qiraat yang dibawakan oleh beliau. Di antara kelebihan perbincangan *tawjīh* di dalam al-Kasyyāf, beliau membawakan perbincangan yang bersifat ringkas dan sederhana, tanpa mengheret perbincangan ke kancah yang tidak sepatutnya. Ini memudahkan para pembaca untuk memahami maksud yang beliau mahukan dalam perbincangan tersebut.

Setelah melakukan penelitian dan mengira jumlah qiraat yang disebutkan oleh al-Zamakhsyari, penulis mendapati bahawa jumlah qiraat yang disebut bersama dengan *tawjīh* adalah sebanyak 289 qiraat bersamaan 68 peratus, manakala jumlah qiraat yang dibawakan tanpa menyebut *tawjīh* adalah sebanyak 138 qiraat bersamaan 32 peratus. Ini menunjukkan bahawa peratusan qiraat yang disebut bersama *tawjīh* mengatasi peratus qiraat yang hanya dinukilkan sahaja oleh beliau tanpa membawakan *tawjīh* bacaan.

Jadual 3: Jumlah qiraat yang dibawakan oleh al-Zamakhsyari bersama *tawjīh* dan tanpa *tawjīh*

Qiraat yang disebut	Jumlah	Peratus (%)
Qiraat yang disebut bersama <i>tawjīh</i>	289	68%
Qiraat yang disebut tanpa <i>tawjīh</i>	138	32%
Jumlah	427	100%

Tidak menyebut *tawjīh*

Pada sebahagian qiraat yang dibawakan oleh al-Zamakhsyari, beliau hanya menyebutkan sahaja qiraat tanpa membawakan *tawjīh* bacaannya, sama ada pada qiraat *mutawātirah* atau pun *syadhdhah*. Ini dapat dilihat jelas daripada nas-nas yang didapati dalam tafsir al-Kasysyāf, pada kebiasaannya menggunakan lafaz (قريئ) yang bermaksud ‘dibaca bacaan ini’.

Contoh qiraat *mutawātirah* yang dibawakan tanpa menyebut *tawjīh* adalah pada ayat 5, pada kalimah (من رهم) beliau menyebut bahawa huruf *nūn* di dalam kalimah (من) diidghamkan atau dimasukkan ke dalam huruf *rā’* di dalam kalimah (رهم) bersama dengan *ghunnah* (dengung) atau pun tanpa *ghunnah*. Perawi yang meriwayatkan bacaan *idgham* tanpa *ghunnah* adalah al-Kisāie, Ḥamzah, Yazīd, Warsy pada satu riwayat, dan al-Hāsyimie daripada Ibn Kathīr. Manakala baki *qurrā’* membaca *idgham* dengan *ghunnah*, kecuali Abū ‘Amr yang meriwayatkan kedua-dua wajah (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:160).

Manakala contoh qiraat *syadhdhah* yang dibawakan tanpa menyebut *tawjīh* adalah pada ayat 7, iaitu pada kalimah (عشاوة). Beliau menyebutkan bahawa terdapat tujuh bacaan bagi kalimah ini, iaitu pertama; (عشاوة) dengan *kasrah ghain* dan *naṣab ta’*, kedua; (عشاوة) dengan *ḍammah ghain* dan *raf’ ta’*, ketiga; (عشاوة) dengan *fathah ghain* dan *naṣab ta’*, keempat; (عشاوة) dengan *kasrah ghain* dan *raf’ ta’*, kelima; (عشاوة) dengan *fathah ghain* dan *raf’ ta’*, keenam; (عشاوة) dengan *fathah ghain* dan *nasab ta’*, dan ketujuh; (عشاوة) dengan *kasrah ‘ain* dan *naṣab ta’* (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:169).

Bahagian-bahagian *tawjīh* yang disebutkan.

Antara faktor kelebihan al-Zamakhsyari dalam al-Kasyyaf adalah dari sudut penerangan yang dibawakan olehnya dari sudut *tawjīh* qiraat. Walaupun diterangkan secara ringkas, namun ia memberi sudut pandang akan peranan bacaan qiraat yang disebutkan oleh beliau, sama ada menerusi qiraat *mutawātirah* atau pun *syadhdhah*.

***Tawjīh* dari sudut akidah**

Perbahasan dari sudut akidah merupakan satu isu yang agak kontroversi bagi nama al-Zamakhsyari. Ini kerana beliau secara jelas berpegang dengan fahaman muktazilah. Namun

begitu, para ulama tidak menolak sisi-sisi kebenaran yang terkandung dalam al-Kasysyāf, termasuklah dalam *tawjīh* qiraat dari sudut akidah yang dinukilkan oleh beliau jika pendapat itu selari dengan mazhab Ahli al-Sunnah Wa al-Jamā'ah.

Antara contoh *tawjīh* yang boleh dikategorikan dari sudut akidah adalah pada ayat 51, iaitu pada kalimah (واعد). Al-Zamakhsyari menjelaskan bahawa terdapat bacaan (واعد) dengan *ithbāt alif* pada kalimah ini, membawa maksud Allah SWT menjanjikan wahyu kepada Nabi Musa AS, manakala Nabi Musa AS berjanji kepada Allah SWT untuk hadir ke *Tur Sina* dengan tujuan bermunajat kepada Allah SWT (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:269).

Penjelasan ringkas *tawjīh* oleh al-Zamakhsyari ini secara zahir tidak bercanggah dengan pegangan Ahli al-Sunnah Wa al-Jamā'ah jika dinisbahkan perbuatan kepada hamba itu adalah secara *majāz*, walaupun pada hakikatnya segala perbuatan hamba adalah ciptaan Allah SWT (Sabri Mohamad, 2016, 6-7). Pada dasarnya, muktazilah berpegang kepada bahawa perbuatan hamba (*af'āl al-'ibād*) adalah datangnya daripada manusia sendiri, sama ada perbuatan baik, perbuatan jahat, taat, maksiat, dan bukannya datang daripada Allah SWT (Abdull Rahman Mahmood & Mohd Haidhar Kamarzaman, 2014, 87).

Tawjīh* dari sudut *feqah

Dari sudut *feqah*, al-Zamakhsyari juga menjelaskan *tawjīh* jika ianya ada kaitan dengan hukum. Antara contohnya adalah pada ayat 196 pada kalimah (وأتموا الحج والعمرة), beliau menjelaskan bahawa terdapat qiraat *syadhdhah* dengan bacaan (وأقيموا الحج والعمرة). Bacaan *syadhdhah* ini menegaskan lagi bahawa perintah mengerjakan haji adalah wajib. Ini adalah kerana arahan yang datang membawa maksud wajib, kecuali terdapat dalil yang menerangkan sebaliknya (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:399).

Manakala bagi menerangkan hukum sunat mengerjakan umrah, al-Zamakhsyari membawakan qiraat *syadhdhah* (والعمرة لله), dibaca dengan *raf' tā'* sebagaimana yang diriwayatkan daripada 'Āli dan Ibn Mas'ūd (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:401).

Tawjīh* dari sudut *naḥw

Perbincangan *tawjīh* dari sudut *naḥw* merupakan sesuatu yang sinonim dan tidak dapat dipisahkan daripada bacaan al-Quran. Antara contoh *tawjīh* dari sudut *naḥw* yang dibawakan oleh al-Zamakhsyari adalah pada ayat 37, (فتلقى آدم من ربه كلمات), beliau menyebutkan bahawa dibaca pada ayat ini dengan *naṣab* kalimah (آدم) dan *raf'* pada kalimah (كلمات). Ia membawa maksud bahawa kalimah taubat yang diucapkan oleh Nabi Ādam AS yang datang kepadanya, dipersembahkan kepadanya dan berhubung rapat dengan baginda ketika mana baginda bertaubat kepada Allah SWT (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:256).

Penerangan *tawjīh* oleh al-Zamakhsyari ini adalah bertepatan dengan *tawjīh* para ulama qiraat seperti yang dijelaskan oleh Imam Makkī Ibn Abī Ṭālib dalam kitab al-Kasyf 'An Wujūh al-Qiraat al-Sab' (Makkī Bin Abi Ṭālib, 1984, 237).

Tawjih dari sudut *ṣarf*

Tawjih dari sudut *ṣarf* adalah perbincangan yang melibatkan binaan kalimah dalam bahasa Arab. Antara contoh *tawjih* dari sudut *ṣarf* yang disebutkan oleh al-Zamakhsyari adalah pada ayat 10, iaitu pada firman Allah SWT (وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ). Beliau menerangkan bahawa terdapat dua bacaan pada kalimah (يَكْذِبُونَ), bacaan pertama; dengan *takhfif dhāl*, berasal daripada kalimah (كَذَّبَ) yang merupakan lawan bagi kalimah (صَدَّقَ). Bacaan kedua pula adalah dengan *tasydīd dhāl*, berasal daripada kalimah (كذب) yang membawa maksud *mubālaghah* dalam perbuatan dusta oleh kaum *munāfiqīn* (Al-Zamakhsyari, 1998, 1:178-179).

Penerangan ini juga selari dengan *tawjih* yang dibawakan oleh Imam Makki (1984, 228-229) dalam kitab beliau.

Komentar terhadap qiraat yang dibawakan

Al-Zamakhsyari tidak memberikan komentar terhadap qiraat yang dibawakan oleh beliau dalam al-Kasysyāf, sama ada terhadap qiraat *mutawātirah* atau pun *syadhdhah*. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak mengikut manhaj yang sebenar dalam ilmu qiraat sebagaimana yang yang diamalkan oleh ulama dalam bidang qiraat. Bahkan, kesemua qiraat yang dibawakan oleh beliau seakan-akan sama dan tiada bezanya. Ini amatlah tidak bertepatan dengan pegangan ulama dalam bidang qiraat yang membezakan kedudukan antara *mutawātirah* dan *syadhdhah*. Ini kerana qiraat yang diterima dan dibaca sebagai Al-Quran hanyalah qiraat *mutawātirah*, manakala qiraat *syadhdhah* tidak diterima sebagai al-Quran. Namun, qiraat *syadhdhah* diterima untuk dijadikan dalil sama ada dalam hukum feqah, tafsir, dan bahasa arab (Al-Suyūṭi, 2006, 1:230).

Penutup

Perbezaan mazhab bagi seseorang tokoh tidak menghalang para ulama untuk tidak berlaku adil terhadap al-Zamakhsyari. Sesuatu yang benar tetap boleh dijadikan rujukan dalam bidang ilmu yang berkaitan, terutamanya isi kandungan tafsir al-Kasysyāf karangan beliau. Berdasarkan penelitian yang dijalankan dalam kajian ini, penulis mendapati bahawa al-Zamakhsyari menjadikan qiraat sebagai satu sumber dan alat bagi tafsir beliau. Ini dibuktikan dengan jumlah pengumpulan qiraat yang dicatatkan dalam surah al-Baqarah mencapai satu jumlah yang agak tinggi. Namun begitu, al-Zamakhsyari tidak mengikut manhaj yang diamalkan oleh para ulama dalam bidang qiraat. Justeru, pembaca tafsir al-Kasysyāf perlu memerhatikan sudut pandang qiraat yang terkandung dalam tafsir ini. Penilaian terhadap bacaan qiraat yang dibawakan perlu diteliti bagi mengelakkan salah faham terhadap kedudukan setiap bacaan.

Rujukan

- Mahmood, A.R & Kamarzaman M.H. (2014). *Nazariyyah Af'āl al-'Ibād 'Inda al-Mu'tazilah*. International Journal of Islamic Thought, Vol. 6: (Dec.) 2014.
- Al-'Alawi, Y.H. (1914). *Al-Ṭarrāz al-Mutaḍammin Li Asrār al-Balāghah Wa 'Ulūm Haqāiq al-I'jāz*. Misr: Dar al-Kutub al-Khadīwiyyah.
- Al-Suyūṭi, J.D. (2006). *Al-Itqān Fī 'Ulūm al-Quran*. Qāhirah: Dar al-Fajr Li al-Turāth.
- Al-Zamakhsyari, M.U. (1998). *Al-Kassyāf 'An Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl Wa 'Uyūn al-Aqāwīl Fī Wujūh al-Ta'wīl*. Al-Riyāḍ: Maktabah al-'Abīkān.
- Ibn 'Āsyūr, T.A. (1970). *Al-Tafsīr Wa Rijālulu*. Miṣr: Muḡamma' al-Buhūth al-Islāmiyyah.
- Ibn al-Jazari, M.M. (2007). *Munḡid al-Muḡriīn*. Ṭanṭa: Dar al-Ṣaḡābah.
- Ibn Khaldūn, I.K. (2004). *Muḡaddimah Ibn Khaldūn*. Dimasyq: Dar Ya'rab.
- Makkī, M.T. (1984). *Al-Kasyf 'An Wujūh al-Qirāāt al-Sab' Wa 'Ilalihā Wa Ḥujajihā*. Lubnān: Muassasah al-Risālah.
- Al-Ḥabsy, M.H. (1999). *Al-Qiraat al-Mutawātirah Wa Atharuhā Fī al-Rasm al-Qurāni Wa al-Ahkām al-Syarī'ah*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Mohamad, S.M. (2016). *Pengaruh Ilmu Qira'at dalam Pengajian Islam*. Jurnal al-Turath; Vol. 1, No. 1.